



فكاواي كاواغن نكري ترغكانو  
**PEGAWAI KEWANGAN  
NEGERI TERENGGANU**

PERB. TR.U/16/01/01/3- (43)

**16** Februari 2017.  
**19** Jamadil Awal 1438.

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu  
Semua Ketua Badan Berkanun/ Agensi Negeri Terengganu  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

YB Dato'/Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN PEMATUHAN PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI  
BIL.1 TAHUN 2017 ( KAEDAH PERBELANJAAN TAHUN 2017 )**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.1 Tahun 2017 ( Anggaran Perbelanjaan 2017 ).

2. Para 5.3 Pekeliling di atas menyatakan bahawa:

“Pegawai Pengawal hanya dibenarkan membelanjakan peruntukan sebanyak 1/3 daripada jumlah yang diluluskan untuk setengah tahun pertama 2017 sebagaimana dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan Negeri Bil.1/2016 serta mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu”.

3. Berdasarkan arahan pekeling tersebut, pihak YB Dato'/Y.Bhg. Dato' /Tuan /Puan hanya dibenar membelanjakan sebanyak 1/3 daripada jumlah peruntukan yang diluluskan dalam tempoh 6 bulan pertama tahun ini. Selaras dengan langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemat yang dibuat dalam tahun 2016 serta keadaan kewangan kerajaan yang tidak menunjukkan peningkatan, Kerajaan akan meneruskan langkah yang sama dengan kawalan lebih ketat dalam mengurus perbelanjaan tahun 2017 sebagai langkah untuk mengawal defisit supaya berada pada paras yang munasabah.

4. Justeru itu, perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi dalam menguruskan perbelanjaan jabatan YB Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan:



- 4.1. Peruntukan di bawah **Osol 10000 (Emolumen), 20000 (Perkhidmatan dan Bekalan), 30000 (Aset) serta 40000 (Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap)** tidak dibenar untuk dipindahkan kepada mana-mana Osol lain kecuali atas kes-kes tertentu yang diluluskan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri Terengganu.
- 4.2. Tiada tambahan peruntukan akan diberikan kepada semua jabatan dalam tahun 2017 kerana peruntukan yang sewajarnya telah disediakan kecuali keperluan tertentu yang diluluskan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri. Oleh itu, semua ketua jabatan diminta memantau perbelanjaan secara lebih teliti agar peruntukan yang disediakan mencukupi untuk perbelanjaan sepanjang tahun.
- 4.3. Peruntukan di bawah Osol 30000 ( Aset ) yang sebahagian besar peruntukannya diletakkan di bawah **Vot B.04** Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu hanya akan dipertimbangkan bagi keperluan yang benar-benar mendesak sahaja dengan kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri Terengganu.
- 4.4. Jabatan-jabatan dibenar membuat pembelian harta modal di bawah Osol 35000 melalui penyelarasan di peringkat jabatan dengan membuat pindah peruntukan daripada Osol lain dalam peruntukan jabatan kepada Osol 35000 dan tidak memerlukan tambahan peruntukan daripada Perbendaharaan Negeri. Walau bagaimanapun, kelulusan khas daripada YB Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum pembelian/perolehan dibuat.
- 4.5. Mulai tarikh Arahan Pematuhan ini dikeluarkan, langkah kawalan perbelanjaan di para 4.1.7 dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Terengganu Bil.2 Tahun 2016 ( Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengawal Perbelanjaan Awam Dalam Bajet Negeri Terengganu Tahun 2016 ) yang menyatakan " Perbelanjaan di bawah Osol 30000 yang melebihi RM20,000.00 tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri adalah dibatalkan.
- 4.6. Peruntukan bagi bayaran Emolumen, di bawah **Osol 10000 dibenar untuk dibelanjakan mengikut kadar sebenar** sebagaimana yang telah diambil kira dalam penyediaan Bajet 2017 dan tidak terlibat dalam langkah perbelanjaan 1/3 daripada peruntukan yang diluluskan dalam tempoh 6 bulan pertama tahun ini.
- 4.7. Perbelanjaan bagi peruntukan Pelbagai Perkhidmatan di bawah **Vot B.32** Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk pelbagai program juga termasuk dalam langkah perbelanjaan 1/3 peruntukan dalam tempoh



6 bulan pertama tahun 2017. Perancangan teliti bagi mencapai hasrat tersebut perlu dibuat diawal tahun lagi dan unjuran perbelanjaan bagi suku tahun pertama dan kedua 2017 perlu dikemukakan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri.

- 4.8. Setiap jabatan yang diperuntukkan Bajet Pembangunan Tahun 2017 hendaklah menjadualkan perbelanjaan bagi setiap projek agar selari dengan kehendak para 5.3 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.1 Tahun 2017. Sehubungan dengan itu, unjuran perbelanjaan pembangunan bagi suku tahun pertama dan kedua 2017 perlu dikemukakan kepada Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.
- 4.9. Berkuatkuasa mulai Arahan Pematuhan Pekeliling ini dikeluarkan, keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengenai **Perkara 3.6 Perjalanan Udara (Dalam dan Luar Negara) Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB.3.1 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang disesuaikan dalam konteks pentadbiran negeri dengan tambahan sebagaimana berikut hendaklah digunapakai:-**

“Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju kelayakan bagi kelas perniagaan adalah untuk Gred Jusa C ke atas manakala Gred 54 dan ke bawah bagi kelas ekonomi untuk penerbangan dalam negeri. Bagi penerbangan luar negara kelayakan bagi kelas pertama adalah untuk Gred Utama/Khas ‘A’ dan ke atas. Kelas perniagaan adalah untuk Gred Utama/Khas ‘B’ dan ‘C’ manakala Gred 1 hingga 54 kelayakan adalah kelas ekonomi”.

**(Surat Perbendaharaan Negeri Bil.(35) dalam siri yang sama bertarikh 3 Julai 2016 mengenai perkara di atas adalah berkaitan.)**

5. Bagi memastikan langkah kawalan perbelanjaan ini dipatuhi oleh setiap jabatan, Perbendaharaan Negeri juga akan memantau prestasi perbelanjaan bulanan bagi setiap jabatan. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) diadakan sebagaimana yang telah ditetapkan serta menghantar laporan mesyuarat tersebut kepada Perbendaharaan Negeri pada setiap suku tahun.

6. Arahan-arahan mengenai langkah perbelanjaan secara berhemat bagi mengawal perbelanjaan awam dalam Bajet Negeri Tahun 2016 (Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.2 Tahun 2016) hendaklah terus dijadikan panduan dalam menguruskan pebelanjaan jabatan dalam tahun 2017.



7. Sekali lagi perlu diingatkan kepada setiap Pegawai Pengawal supaya memberi perhatian serius dalam pengurusan kewangan jabatan serta memastikan arahan-arahan dalam pekeliling yang dikeluarkan dipatuhi sewajarnya. Semoga dengan itu, kerajaan dapat terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat meskipun dalam kekangan kewangan yang dihadapi.

Sekian, terima kasih.

**“ TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU ”**  
**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,

**( DATO' HAJI A. RAHMAN BIN YAHYA )**

s.k. Bendahari Negeri  
Terengganu.

Pengarah Audit Negeri  
Terengganu.